

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
23 MEI 2014**


---

**1. PENUTUPAN LINTASAN RATA AWAM KTM DI PERMATANG  
BATU**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah meluluskan Cadangan Penutupan Lintasan Rata Awam di Permatang Batu pada 27 Mac 2014. Penutupan ini akan bermula pada 1 Jun 2014. Tujuan penutupan lintasan rata awam ini adalah untuk pengoperasian Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar. Ini juga bertujuan untuk membuat penambahbaikan kepada infrastruktur dan memastikan warga Seberang Perai berada dalam keadaan selesa.

Oleh yang demikian, orang awam dikehendaki menggunakan laluan alternatif berikut:

- i. Jalan Permatang Rawa Untuk ke Padang Lalang
- ii. Jalan Permatang Rawa Untuk ke Bandar Perda
- iii. Jalan Permatang Rawa Atau Jalan Bukit Tengah ke Bandar Perda



## 2. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad 1 Jun 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 15 Jun 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 Jun 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

### **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KELAHIRAN YANG DIPERTUAN AGONG**

Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kelahiran Yang Dipertuan Agong pada 7 Jun 2014 (Sabtu) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

### **4. RAMADHAN AL-MUBARAK**

Dimaklumkan, semua umat Islam akan menyambut Ramadhan al-Mubarak pada 29 Jun 2014 (Ahad). Justeru itu, saya ingin mengucapkan Selamat berpuasa kepada semua yang beragama Islam, khususnya pekerja-pekerja MPSP dan seluruh pekerja di Seberang Perai.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**